

Melaka medan uji kaji PRU15...

INGATKAN Johor atau Perak dulu, rupa-rupanya Melaka mengawalkan pilihan raya negeri (PRN).

Semangat 'Hang Jebatnya' hebat barangkali? Semua tidak menjangkanya sebab tidak ada angin, tiada ribut PRN terjadi akibat pembelotan orang UMNO sendiri.

Situasi di Melaka pastinya jauh berbeza dengan PRN Sabah September tahun lalu. Apa bezanya? Saiz Melaka tidaklah sebesar mana. Ikut daerah pentadbiran, ia hanya terdiri dari tiga daerah iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan, bilangan penduduk Melaka tidak sampai satu juta. Iaitu sebanyak 932,700 orang direkodkan bagi 2020 dengan keluasan 1,650 km persegi. Sempadan pilihan rayanya dibahagikan kepada enam Parlimen dan 28 DUN. Enam Parlimen tersebut adalah Jasin, Alor Gajah, Kota Melaka, Masjid Tanah, Tangga Batu dan Hang Tuah Jaya.

Pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), Barisan Nasional (BN) menang di dua Parlimen iaitu Jasin dan Masjid Tanah, selebihnya dikuasai Pakatan Harapan (PH).

Selepas berlakunya episod lompat parti melibatkan Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermieyati Samsudin pada Disember 2018, kerusi berkenaan hilang daripada tangan BN. Komposisi terkini pasca Langkah Sheraton, BN kekal satu kerusi Parlimen, Perikatan Nasional (2) dan PH (3).

Beralih kepada kisah 28 kerusi DUN yang kini hangat diperkatakan. Keputusan PRU-14 merekodkan BN sekadar memenangi 13 kerusi, lantas mengangkat PH dengan majoriti 15 kerusi bagi menubuhkan kerajaan negeri.

Pada 11 Mei 2018, Pengerusi Parti Amanah Negara (Amanah) Melaka, Adly Zahari yang kali pertama bergelar ahli dewan undangan negeri (ADUN) telah mengangkat sumpah selaku Ketua Menteri ke-11.

Kira-kira dua tahun selepas itu, pergolakan politik berlaku di Melaka. Empat ADUN kerajaan mengumumkan memberi sokongan kepada BN bagi menubuhkan kerajaan PN di negeri ini, selaras dengan pertukaran di Persekutuan.

Mereka ialah Datuk Mohd. Rafiq Naizamohideen (Bersatu-Paya Rumput), Datuk Noor Effandi Ahmad (Bersatu-Telok Mas), Datuk Norhizam Hassan Baktee (DAP-Pengkalan Batu) dan Datuk Muhammad Jailani Khamis (PKR-Rembia).

Maka tertubuhlah kerajaan negeri pimpinan Ketua Menteri ke-12, Datuk Seri Sulaiman Md. Ali disokong 14 ADUN BN (UMNO), Bersatu (2) dan Bebas (1), sebelum dijatuhkan pula oleh empat ADUN kerajaan, Isnin lalu.

Setakat semalam, populasi dewasa yang sudah lengkap vaksinasi di Melaka adalah 64.4 peratus.

Jumlah pemilih berdaftar yang mengambil bahagian dalam PRU-14 ialah seramai 494,662 orang, hampir separuh daripada populasi negeri. Melaka, penduduk dan pengundinya berintegrasi.

Dengan gelanggang PRN Melaka akan dibuka, inilah masa dan ketikanya untuk mana-mana parti termasuk yang 'cakap besar' menguji pengaruh mereka.

UMNO misalannya boleh menjadikan Melaka satu platform uji kaji (experiment) untuk membuktikan sokongan orang Melayu masih bersama parti itu. Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) pula yang tidak ada pengaruh lagi di peringkat negeri setelah hilang Johor dan Perak, boleh menjadikan Melaka 'buah tangan' mereka sebelum memasuki gelanggang PRU15.

Dan pesaing mereka pun bukan kaleng-kaleng – Parti Pejuang, Parti Muda, apa lagi dengan cabaran PKR, Parti Amanah Negara dan DAP.

Zulkifli Jalil ialah Timbalan Pengarang Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia

<https://www.utusan.com.my/commentary/melaka-medan-uji-kaji-pru15/>